

# UMS disaran tumpu pendidikan, penyelidikan bidang biofuel

DE 27.09.2012 /

KOTA KINABALU: Universiti Malaysia Sabah (UMS) disaran memberi keutamaan kepada pendidikan dan penyelidikan dalam penghasilan bahan bakar bio atau biofuel khususnya biofuel generasi kedua, bioteknologi perindustrian dan loji penapisan bio.

Ketua Menteri Sabah Datuk Seri Musa Aman berkata penyelidikan menyeluruh, strategi pembangunan dan penempatan perlu dalam membangunkan biofuel generasi baharu yang mempunyai hasil yang lebih baik, daya maju komersial dan prestasi alam sekitar yang lebih besar.

"Pengurusan biofuel yang betul mempunyai potensi untuk memberikan manfaat penting termasuk memperkuatkkan keselamatan tenaga dengan mempelbagaikan sumber tenaga," katanya ketika merasmikan Bengkel Antarabangsa Mengenai Kemajuan Bidang Biofuel 2012 di sini, malam tadi.

Musa berkata bidang biofuel menyediakan peluang penting bagi pembangunan perindustrian, inovasi dan pekerjaan berkualiti tinggi yang merupakan faktor penting ke arah ekonomi berdasarkan pengetahuan.

Teks ucapannya dibacakan oleh Timbalan Ketua Menteri Datuk Dr Yee Moh Chai.

Menurut Musa usaha perlu dilaksanakan di peringkat tempatan dan antarabangsa bagi memastikan penghasilan dan penggunaan mampan dalam memajukan bidang biofuel.

Beliau berkata ini memerlukan penubuhan mekanisme kemampunan termasuk persetujuan kriteria kemampuan global untuk pasaran baharu dan sedia ada yang boleh dibangunankan menerusi sesi dialog yang telus dan ikhlas.

Beliau juga meningatkan bahawa sektor biofuel perlu dibangunkan menerusi cara yang melindungi alam sekitar dan tidak menimbulkan risiko baharu.

"Dasar mengenai pembangunan biofuel mesti memenuhi objektif keselamatan bekalan dan perubahan iklim.

"Kita tidak mampu meneruskan dasar biofuel yang mengalihkan masalah dari pada satu sektor ke sektor lain kerana ia akan memberikan kesan buruk pada jangka panjang termasuk kemusnahan alam sekitar dan kesan terhadap keselamatan makanan," katanya.

Meskipun pelbagai cabaran, Musa berkata ia adalah tidak mustahil untuk menguruskan pembangunan sektor biofuel dengan cara yang membawa manfaat kepada manusia sejagat. – Bernama